

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

ZSE 361/2 - Geologi Gunaan

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Sesar mendatar mempunyai ciri-ciri tertentu.

(a) Apakah ciri-ciri itu pada peta? (50/100)

(b) Apakah ciri-cirinya pada keratan? (50/100)

2. Zon sesar Kuala Lumpur berjurus 110-290 darjah dan merupakan zon sesar mendatar ke kiri. Geseran sepanjang zon sesar ini boleh menerbitkan sistem tegasan tertib kedua.

Pada zon sesar Kuala Lumpur ini tentukanlah kedudukan:

(a) Tegasan P, Q dan R daripada sistem tegasan tertib kedua. (25/100)

(b) Retakan-retakan rencong (en echelon) (25/100)

(c) Paksi lipatan seretan (25/100)

(d) Retakan ricih tertib kedua yang ke kanan dan juga yang ke kiri (25/100)

(Catat model yang anda gunakan)

3.(a) Apakah yang dimaksudkan dengan canggaan atau keterikan? Bahaslah faktor-faktor yang mempengaruhi gaya canggaan (rapuh, mulur, rapuh-mulur). (50/100)

(b) Bagaimanakah boleh dikenalpasti sama ada sesuatu jasad batuan sedimen telah mengalami canggaan sebaya dengan pemendapan? (25/100)

(c) Terangkan jenis lipatan yang boleh wujud pada

(i) Lapisan batuan kawi yang tebal, dan juga pada

(ii) Sedimen turbidit

(25/100)

4. Terangkanlah asas pengkelasan

- batuan sedimen klastik
- batuan sedimen kimia (kecuali sedimen berkarbonat)
- batuan sedimen volkaniklastik

(100/100)

5. Bandingkan tekstur dan fabrik sedimen di sekitaran delta dengan tekstur dan fabrik sedimen di sekitaran neritik.

(100/100)

6. Tulislah esei tentang salah satu perkara yang disenaraikan di bawah:

- Tanda pengenal atas-atau-bawah, atau
- Batuan argilit, atau
- Analisis fasies sedimen

(100/100)